

UMNO SETAR 14 Mach

15 MAR 1972
A — Dr. Mahadhir Mo-
hamad yang telah di-teri-
ma sa-mula menjadi ahli
UMNO telah di-chalunkan
untuk menjadi Naib Presi-
den UMNO Malaysia da-
lam perhimpunan agong
UMNO yang akan datang.

Keputusan menchalun-
kan nama Dr. Mahadhir
itu telah di-buat dengan
sa-hulat suara dalam me-
shuarat agong tahunan
UMNO Chawangan Telok
Bagan, Tandop di-dewan
orang ramai kampong itu
dekat sini petang ini.

Setiausaha UMNO baha-
gian itu, Haji Osman bin
Haji Mohd Noor berkata,
nama Dr. Mahadhir sa-
bagai chalun Naib Presi-
den UMNO telah di-han-
tarkan kepada UMNO ba-
hagian Kedah Utara un-
tok di-proses sa-terus-nya.

Sementara itu Menteri
Kebajikan Am, Tan Sri
Fatimah binti Haji Hashim
dan Senator Aishah Gha-
ni telah di-chalunkan sa-
mula memegang jawatan
Ketua dan Naib Ketua Ke-
bangsaan Pergerakan Wa-
nita UMNO Malaysia ta-
hun ini.

Penchalunan ini telah
di-putuskan sa-bulat sua-
ra oleh sidang perwakilan
Pergerakan Wanita UMNO
Bahagian Sungai Siput
Kuala Kangsar, yang ber-
langsung di-dewan orang
ramai Kampong Bahagia
di-situ pagi kelmarin.